

Kebebasan Media - Fungsi dan Impak Media Alternatif terhadap Masyarakat Cina di Malaysia

ANG Wei Yin & THOCK Ker Pong
Jabatan Pengajian Tionghoa
Universiti Malaya.

Abstrak

Sebahagian besar media arus perdana di Malaysia berada di bawah kawalan parti politik sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pakatan sulit antara politik dan bidang perniagaan telah menyekat kebebasan bersuara dan kebebasan media yang berada di bawah pengawasan kerajaan. Memandangkan isu-isu seperti kebebasan media kian mendapat perhatian daripada masyarakat Cina menjelang abad ke-21, media alternatif telah muncul sebagai saingan kepada media arus perdana. Media alternatif dianggap sebagai saluran informasi baru yang dapat mencabar pemusatan kuasa media perdana. Di bawah keadaan kebebasan akhbar yang kian terhakis, fungsi sosial media semakin lenyap. Kemunculan media alternatif telah memperuntukkan satu ruang tambahan kepada masyarakat Cina untuk mendapat berita yang mengalami pengendalian yang berbeza daripada media arus perdana. Antaranya, ‘Malaysiakini’ dan ‘Merdeka Review’ sebagai media alternatif telah membuat penghuraian dan perbincangan isu dan berita melalui pelbagai perspektif. Masyarakat Cina mendapat maklumat tambahan mengenai masalah sosial melalui saluran media alternatif ini. Jadi, kertas kajian ini membincangkan kemunculan media alternatif dan fungsi serta impaknya terhadap masyarakat Cina.

Kata kunci: Malaysia, Masyarakat Cina, Media Alternatif, Malaysiakini, Merdeka Review

Freedom of Media - The Function and Impact of Alternative Media on Chinese Community in Malaysia

ANG Wei Yin & THOCK Ker Pong
Department of Chinese Studies
University of Malaya.

Abstract

Most of the mainstream media in Malaysia are under control of political parties either directly or indirectly. The coalition between politics and business has blocked the freedom of speech and media under government control. In twenty-first century, with the freedom of media and other related issues have gradually draw attention of the Malaysian Chinese community, the rising alternative media has contended against the mainstream media. Alternative media is regarded as a new information channel that can challenge the centralization of the power of media. Under the limited freedom of press, the social media's function is getting lost. The emergence of alternative media has provided an additional platform for the Chinese community to get news in perspectives different from mainstream media. Among them, 'Malaysiakini' and 'Merdeka Review' analyze and discuss issues and news through various perspectives. Through the alternative media, the Chinese community can get more information about social issues. Therefore, this paper will explore the function and impact of alternative media on Chinese community.

Keywords: Malaysia, Chinese Community, Alternative Media, Malaysiakini, Merdeka

1.0 Pendahuluan

Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 60 tahun. Pengawalan terhadap kebebasan berita bermula pada zaman pemerintahan British secara berperingkat sehingga kini¹. Media arus perdana berada di bawah kawalan akta-akta seperti Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Keselamatan dalam Negeri dan Akta Rahsia Rasmi telah kehilangan ruangan bersuara malah menyekat perkembangan media (Yap, K. S., 2010, p. 11). Maka, kebanyakkan media arus perdana berada di bawah pengawalan parti pemerintah atau ahli korporat yang mempunyai hubungan erat dengan parti pemerintah².

Kehilangan ruangan bersuara ini menyebabkan media arus perdana Cina di Malaysia beralih daripada media yang lebih bebas jika dibandingkan dengan media Bahasa Melayu kepada media kawalan parti pemerintah. Namun, kita telah menampakkan gambaran baru setelah memasuki zaman 90-an. Penitikberatan penggunaan internet telah membawa kepada kemunculan media alternatif. Media alternatif yang baru ini melaporkan berita dan mesej daripada sudut yang berlainan berbanding dengan media arus perdana³.

Media arus perdana adalah dalam bentuk akhbar, penyiaran televisyen dan radio. Media alternatif pula termasuklah bentuk internet, laman web sosial, forum, blog dan sebagainya. Kebangkitan media alternatif memberi pilihan kepada masyarakat untuk memperoleh berita dan maklumat selain melalui media arus perdana. Kertas kerja ini menggunakan ‘Malaysiakini’ dan ‘Merdeka Review’ sebagai contoh, mengupas fungsi dan impak kebangkitan media alternatif terhadap masyarakat Cina di Malaysia.

¹ Akta Mesin Cetak dan Penerbitan telah wujud pada tahun 1948 untuk mengawasi akhbar anti-penjajahan. Selepas kes rusuhan kaum 13 Mei 1969, akta ini diubahsuai untuk menyekat laporan berita bersentimen perkauman yang mengancam keharmonian negara. Pada bulan Februari 1971, kerajaan sekali lagi mengubahsuai akta ini untuk menghalang rakyat berbincang tentang hak istimewa bumiputera, kedudukan Bahasa Melayu dan isu sensitif secara terbuka. Di bawah Akta Hasutan pula, akhbar yang memaparkan berita yang bersentimen hasutan boleh digantung permit penerbitan (Yap, 2010, p. 6-7).

² Pemilik akhbar Cina *Sin Chew Jit Poh*, Tan Sri Tiong Hiew King dikatakan berhubungan rapat dengan Tun Dato Seri Dr Mahathir. Beliau pernah juga mengadakan perkongsian dengan Mukhriz Mahathir, anak ketiga kepada Tun Mahathir untuk menubuhkan sebuah kilang *optical fiber* yang dinamakan *Optical Communications Engineering Sdn Bhd*. Selain itu, beliau juga berhubungan rapat dengan keluarga Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud, bekas Ketua Menteri Sarawak. Contohnya, Mohamad Arip bin Mahmud (saudara Ketua Menteri Sarawak) telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah Jasa Tiasa Holdings Berhad, sebuah syarikat awam tersenarai yang dimiliki oleh keluarga Tiong pada 13 April 1995. Tambahan pula, Presiden MCA, Tun Ling Liong Sik juga mengakui bahawa Tan Sri Tiong Hiew King merupakan ‘seorang rakan baik’ (*friendly partner*) semasa pembelian saham *Nanyang Siang Pau*. Maklumat lanjut sila rujuk (Chang, 2002b, p. 136-139).

³ Kebebasan media internet mengalami penyekatan selepas ‘tsunami politik 308’ pada tahun 2008. Antaranya, Seksyen 114A Akta Keterangan 2012 dikuatkuasakan untuk mengenalpasti individu yang bertanggungjawab ke atas penyiaran dan penyebaran bahan berunsur hasutan di internet. Pengguna internet bertanggungjawab terhadap kandungan yang diterbitkan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk <https://stop114a.wordpress.com/2012/08/14/soalan-soalan-lazim-berkaitan-seksyen-114-a-akta-keterangan-2012/>

2.0 Latar Belakang Malaysiakini dan Merdeka Review

Menjelang akhir abad ke-20, penggunaan internet yang semakin merangsangkan merupakan titik perubahan yang mengalihkan perhatian masyarakat daripada media arus perdana kepada media alternatif. Malaysiakini merupakan media alternatif yang bangkit berikutan penggunaan internet dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memberi inspirasi kepada masyarakat tentang kepentingan kebebasan media.

Malaysiakini dalam versi Bahasa Inggeris dirasmikan pada 20 November tahun 1999⁴. Pada pendapat pengkaji media (Chang, T. P., 2009) tertentu, Malaysiakini dipuji sebagai laman web berita yang terdiri daripada ahli media profesional dan beroperasi dengan mod perusahaan media. Malaysiakini membangkit dan mengekalkan kedudukan dan pengaruhnya yang tidak berbelah bahagi dalam bidang pemberitaan internet sehingga kini (Chang, T. P., 2009, p. 182).

Jadi, masyarakat Cina yang selalu melayari laman web berita mempunyai saluran yang lain untuk menerima maklumat-maklumat yang dilaporkan dengan perspektif yang berlainan. Menurut statistik pada tahun 2005, bilangan pembaca yang melayari laman web Malaysiakini boleh mencapai 40 ribu orang dalam tempoh masa satu hari (Tan, L. O., 2010, p. 150). Malaysiakini versi Bahasa Cina telah mencapai kunjungan sebanyak 760 ribu pada bulan Jun 2017 menunjukkan pertambahan pembaca Cina Malaysiakini⁵. Walaupun bilangan ini masih jauh berbeza dengan bilangan pembaca media arus perdana, namun memandangkan penggunaan internet yang semakin umum, dipercayai berpeluang untuk mengubah kebiasaan para pembaca media tradisional. Walau bagaimanapun, perkembangan Malaysiakini tidak begitu lancar⁶. Kebanyakan peniaga dan usahawan tidak sudi membuat pelaburan kerana tidak ingin bertentangan pendirian dengan pihak kerajaan. Namun begitu, atas sokongan dan dorongan daripada orang ramai, Malaysiakini tetap beroperasi dari tahun 1999 sehingga kini selama 18 tahun.

Permulaan media internet Bahasa Cina di Malaysia adalah lebih lewat berbanding dengan bahasa yang lain. Merdeka Review⁷ mula beroperasi pada bulan Ogos tahun

⁴ Malaysiakini telah memaparkan berita internet dalam versi Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil secara berperingkat. Malaysiakini juga merupakan media internet pertama yang mempunyai empat bahasa. Untuk maklumat lanjut, boleh melayari laman web <http://iframe.malaysiakini.com/en/https://about.malaysiakini.com/>

⁵ Statistik lanjut sila rujuk <http://fgmedia.my/audience-reach/malaysiakini/>

⁶ Pada bulan April tahun 2000, Malaysiakini membuat permohonan dengan Kementerian Penerangan untuk mendapatkan pas wartawan supaya boleh membuat temu ramah di majlis-majlis rasmi. Namun, Kementerian Penerangan menolak permohonannya dengan memberi alasan bahawa Malaysiakini tidak mempunyai permit penerbitan. Pada bulan Januari tahun 2003, pejabat Malaysiakini telah digeledah oleh pihak polis. Pihak berkuasa merampas komputer yang sedia ada dan membuat soal siasat terhadap beberapa orang editor. Tindakan ini memudaratkan operasi harian Malaysiakini.

⁷ Untuk maklumat lanjut berkaitan Merdeka Review, sila rujuk <http://m.hhlink.com/link/www.merdekareview.com/>

2005 atas rancangan seorang peguam yang bernama Ngiau Yan Yi dan juga usaha ketua editor Chang Teck Peng⁸. Pada bulan Julai 2009, Merdeka Review menghasilkan versi Bahasa Melayu untuk menggalakkan komunikasi antara masyarakat majmuk. Matlamat penubuhan Merdeka Review adalah untuk mencabar kebebasan media yang terhad dan membekalkan berita, analisis, komen yang telus dan berunsur kritik. Namun, Merdeka Review berhenti operasi pada 31 Ogos 2012 atas sebab kesuntukan kos.

3.0 Fungsi Media Alternatif

3.1 Saluran Informasi Tambahan

Dalam era pembangunan teknologi yang pesat ini, pengawalan terhadap media arus perdana tidak semestinya dapat mengongkong pemikiran dan nadi negara. Kini, kesedaran masyarakat terhadap hak asasi manusia semakin meningkat selaras dengan kemajuan negara. Masyarakat memerlukan media yang adil, dan bebas daripada kongkongan pihak kerajaan ataupun kawalan daripada korporat besar. Kawalan parti pemerintah terhadap media arus perdana telah mendorong kepada kebangkitan media alternatif. Malaysia merupakan negara pertama yang menggunakan blog sebagai alat propaganda politik (Malaysiakini, 2010, Februari 26). Berdasarkan keadaan media massa di Malaysia, media alternatif menyediakan satu saluran tambahan kepada masyarakat Cina untuk memperoleh maklumat dan berita.

Contohnya, laporan tentang perhimpunan Bersih⁹ pada tahun 2007 mendapat liputan yang terhad pada media arus perdana pada keesokan hari perhimpunan. Laporan difokuskan kepada kesesakan di Kuala Lumpur akibat daripada sekatan jalan oleh pihak kerajaan dan amaran penghukuman akan dikenakan kepada peserta perhimpunan memandangkan perhimpunan ini dikategori sebagai perhimpunan haram (Chang, T. P., 2011, p. 245). Sebaliknya, media alternatif mengemaskini keadaan perhimpunan dengan laporan teliti. Sebagai contohnya, Merdeka Review memuat naik artikel berkenaan keadaan perhimpunan yang terkini ke laman web sepanjang proses perhimpunan. Merdeka Review telah menerbitkan empat laporan teliti dan melebihi 50 gambar perhimpunan pada hari perhimpunan dan seterusnya memberi perhatian selanjutnya terhadap perkembangan isu ini beberapa hari selepas hari perhimpunan (Chang, T. P., 2011, p. 245). Dengan ini, masyarakat Cina memperolehuraian tambahan terhadap sesuatu isu dan berita yang dilaporkan dari sudut yang berbeza.

⁸ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk <http://mediamalaysia.net/archives/1928>

⁹ Perhimpunan Bersih 1.0 diadakan pada 10 November 2007 di Kuala Lumpur. Perhimpunan kira-kira 40 ribu orang ini merupakan perhimpunan terbesar selepas perhimpunan Reformasi pada tahun 1998 (Chang, 2011, p. 245).

Satu contoh bagi perhimpunan Bersih 2.0¹⁰ yang diadakan pada 9 Julai tahun 2011. Media arus perdana telah menyebarkan berita dan mesej yang memudaratkan imej Bersih¹¹. Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein memberi amaran dengan menyatakan bahawa pihak penguatkuasa akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang menyertai perhimpunan tersebut jika mendapat perhimpunan Bersih 2.0 adalah bersalah dari sisi undang-undang. Timbalan Ketua Polis Negara turut menyatakan bahawa pihak kerajaan tidak akan mengeluarkan permit perhimpunan. Pada masa yang sama, Presiden Perkasa Ibrahim Ali juga berkata bahawa jika perhimpunan Bersih 2.0 tidak dibatalkan, masyarakat Cina perlu menyimpan bekalan makanan. Selepas komen-komen tersebut dikemukakan, masyarakat Cina berasa amat terkejut dan terancam. Walaupun beliau kemudiannya menafikan tindakan mengugut kaum Cina, namun keadaan ini sebaliknya menimbulkan keinginan masyarakat Cina untuk menghadiri perhimpunan Bersih 2.0 (Yong, K. P., & Chan, W. S., 2011, p. 4-5).

Bagi perhimpunan Bersih 3.0, Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mohamad Salleh menjelaskan bahawa pihak polis terpaksa melepaskan gas pemedih mata dan air bertekanan tinggi untuk menyuraikan peserta perhimpunan disebabkan peserta perhimpunan membaling objek menuju arah pihak polis terlebih dahulu dan juga berniat untuk menembusi benteng sekatan polis demi memasuki Dataran Merdeka (*Sin Chew Jit Poh*, 2012, April 29). Malaysiakini pula melaporkan bahawa pihak polis melepaskan gas pemedih mata dan air bertekanan tinggi secara tiba-tiba untuk menghalau peserta perhimpunan selepas pengerusi perhimpunan Bersih 3.0 Ambiga Sreenevasan mengumumkan bahawa perhimpunan bersurai (Malaysiakini, 2012, April 28).

Bagi berita yang membabitkan data, bukti yang dipaparkan menerusi video rakaman atau gambar yang dimuat naik di laman web adalah lebih kukuh daripada berita surat khabar yang hanya ditulis dengan perkataan dan beberapa gambar dari sudut tertentu (*Guang Ming Daily*, 2011, Julai 12). Jadi, masyarakat Cina boleh memperoleh berita atau laporan yang selain daripada media arus perdana serta komen-komen atau analisis yang

¹⁰ Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) ditubuhkan oleh organisasi-organisasi masyarakat. Tujuan perhimpunan Bersih 2.0 adalah untuk menyampaikan hasrat umum rakyat Malaysia secara tegas dalam menuntut pilihan raya yang bersih dan adil dengan menghantar memorandum kepada Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong. Antara 8 tuntutan reformasi sistem pilihan raya yang ada dalam memorandum tersebut adalah: 1. bersihkan senarai pengundi; 2. mereformasikan sistem undian pos; 3. menggunakan dakwat kekal semasa pilihan raya; 4. mengehadkan tempoh minimum kempen sekurang-kurangnya 21 hari; 5. akses media yang bebas dan adil; 6. mengukuhkan institusi pilihan raya; 7. elakkan rasuah; 8. elakkan teknik politik yang kotor.

¹¹ Utusan Melayu menggunakan ‘Perhimpunan Haram’ untuk melaporkan berita Bersih. *China Press* membuat jangkaan bahawa perhimpunan Bersih akan berlaku kekecohan, kekeliruan, pembakaran, kes pemijakan dan sebagainya yang akhirnya menyumbang kepada berlakunya tragedi. Untuk maklumat lanjut, boleh rujuk laman web <http://www.malaysiakini.com/news/168542>. Utusan Melayu turut menyatakan bahawa perhimpunan Bersih 2.0 telah diserap oleh unsur komunis yang berniat untuk menumpaskan kerajaan. Maklumat lanjut boleh merujuk laman web <http://www.malaysiakini.com/news/168588>

berbeza melalui media alternatif. Sebagai contoh, media alternatif telah memaparkan salah satu berita seperti di bawah:

Walaupun pihak polis semalam sudah mengumumkan bahawa pihak polis telah mendapatkan perintah mahkamah bagi penghalangan pengerusi perhimpunan Bersih 2.0 Ambiga Sreenevasan dan juga seramai 91 pemimpin Bersih untuk memasuki Kuala Lumpur, namun perhimpunan Bersih 2.0 masih akan diadakan di Stadium Merdeka seperti yang dirancangkan.

Tidak kira sama ada kerajaan membuat keputusan untuk mengambil tindakan atau tidak, orang ramai akan memastikan bahawa hak mereka untuk menjadi orang Malaysia yang patriotik tidak akan terhakis. Kami akan berhimpun secara aman, dan kami amat berharap akan jumpa anda di Stadium Merdeka. (Diterjemah daripada Merdeka Review, 2011, Julai 8)

Pihak kerajaan menggunakan media arus perdana untuk menyeru orang ramai tidak menghadiri perhimpunan tersebut. Walau bagaimanapun, media alternatif telah memainkan fungsinya sebagai satu saluran maklumat tambahan dengan memperuntukkan berita dan pendapat yang dikupas dari sudut yang berbeza dengan media arus perdana. Masyarakat Cina boleh mendapatkan berita dan isu-isu yang dimaklumkan oleh parti pembangkang melalui media alternatif, bukan menerima kesemua berita yang disiarkan dalam media arus perdana sahaja.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Ketua Polis Negara menafikan bahawa anggota polis melepaskan gas pemedih mata ke dalam kawasan hospital (*Sin Chew Jit Poh*, 2011, Julai 11). Presiden MCA Datuk Seri Chua Soi Lek juga menafikan tindakan anggota polis yang melepaskan gas pemedih mata, dan menjelaskan bahawa tuduhan tersebut muncul disebabkan oleh masalah sudut gambar yang ditangkap oleh peserta perhimpunan (*Guang Ming Daily*, 2011, Julai 12). Pelbagai penjelasan yang bertentangan dengan keadaan sebenar dalam media arus perdana menyemarakkan kemarahan para peserta perhimpunan. Malaysiakini melaporkan berita bahawa sejumlah doktor¹² Hospital Tung Shin telah mengemukakan kenyataan untuk membuktikan bahawa anggota polis memang pernah melepaskan gas pemedih mata ke dalam kawasan hospital (Malaysiakini, 2011, Julai 13). Para peserta pula memuat naik gambar-gambar pelepasan gas pemedih mata oleh anggota polis yang ditangkap pada masa kejadian sebagai tanda bersuara demi kebenaran. Mereka juga mengkritik tindakan kerajaan yang melepaskan gas pemedih mata ke dalam kawasan hospital menerusi internet. Teks di bawah menunjukkan:

Apabila kami menyangka bahawa anggota polis tidak akan menyerang

¹² Antara doktor-doktor yang terlibat ialah Musa Mohd Nordin, Ng Kwee Boon, Low Paik See, Mazeni Alwi, David Quek, Sheikh Johari Bux, Steve Wong, Ahmad Farouk Musa, Ng Swee Choon, Mary Cardosa dan Jeffrey Abu Hassan (Malaysiakini, 2011, Julai 13).

atau menyerbu hospital, satu gas pemedih mata tiba-tiba jatuh ke dalam kawasan hospital. Sesiapa yang pernah mengalami kehebatan gas pemedih mata terus menyembunyi ke dalam hospital dengan kadar yang segera. Namun, kebanyakan orang menunjukkan muka yang terkejut dan tertanya-tanya ‘pihak polis melepaskan gas pemedih mata ke arah hospital?’ Lebih kurang 800 peserta perhimpunan yang berada di tempat kejadian dan juga kakitangan hospital boleh membuktikan bahawa kenyataan yang dikatakan oleh Ketua Polis Negara adalah satu pembohongan. (Diterjemah daripada Malaysiakini, 2011, Julai 12)

Apabila saya dipaksa melarikan diri sampai ke Hospital Tung Shin, saya nampak anggota polis melepaskan tembakan air berisi bahan kimia ke arah hospital, mereka juga melepaskan gas pemedih mata! Pada masa tersebut, saya langsung tidak dapat mempercayai mata saya sendiri. Adakah mereka tidak mempunyai pengetahuan am? Mereka membiarkan helikopter berpusing di ketinggian yang rendah, mereka tidak tahu perbuatan seperti ini akan mengganggu para pesakitkah? (Diterjemah daripada Merdeka Review, 2011, Julai 11)

Kedua-dua buah teks di atas dicatat daripada dua buah artikel yang dipaparkan dalam media alternatif. Artikel-artikel luahan isi hati peserta perhimpunan seperti ini tidak dipaparkan dalam media arus perdana. Media alternatif memainkan peranan yang penting sebagai saluran informasi tambahan yang memaparkan maklumat yang berlainan daripada media arus perdana. Dalam keadaan pengkonglomeratan media arus perdana, kebangkitan media alternatif merupakan satu fenomena yang menggalakkan terhadap masyarakat Cina.

3.2. Kebebasan Bersuara

Pengkonglomeratan akhbar Cina¹³ di Malaysia bukan satu isu yang baru. Walau bagaimanapun, masyarakat Cina kelihatan tidak berdaya untuk mengubah hakikat ini. Sebagai wakil masyarakat Cina, MCA nampakkan tidak mempunyai kuasa sebenar untuk memperjuangkan kebijakan masyarakat Cina (*Sin Chew Jit Poh*, 2013, November 15). Pemimpin-pemimpin MCA bukan sahaja tidak menghalang tragedi pemonopoli media arus perdana Cina, malah menaburkan sumbangan dalam aktiviti pengambilalihan pucuk pengurusan akhbar Cina oleh kumpulan syarikat. Masyarakat Cina membantah keras terhadap pemilikan tersebut, sehingga bertindak untuk memboikot keempat-empat buah akhbar Cina yang diambil alih iaitu *Sin Chew Jit Poh*, *Nanyang Siang Pau*, *China Press* dan *Guang Ming Daily*.

¹³ Pada Mac 2006, *Madigreen Sdn Bhd* di bawah keluarga Tan Sri Tiong Hiew King telah membeli saham akhbar *Nanyang Siang Pau* sebanyak 20.44%. Pada Oktober 2006, *Ezywood Options Sdn Bhd* milikan keluarga Tiong membeli lagi saham akhbar *Nanyang Siang Pau* sebanyak 21.02%. Maka, keluarga Tiong muncul sebagai pemegang saham terbesar (44.76%) akhbar *Nanyang Siang Pau*. Jadi, beliau telah mengawal lebih kurang 85% daripada keseluruhan pengedaran akhbar Cina dengan menguasai empat buah akhbar Cina daripada enam buah akhbar Cina di Semenanjung Malaysia (Yap, 2010, p. 203 dan 254).

Kemunculan media alternatif memudahkan pengumpulan informasi melalui dunia laman web. Pada masa yang sama menyediakan pilihan selain daripada media arus perdana kepada masyarakat Cina. Menurut statistik, 92 peratus penduduk Malaysia menerima pengaruh daripada informasi media alternatif (Malaysiakini, 2010, Februari 26). Isu-isu yang berkaitan dengan hak kebajikan masyarakat Cina jarang akan dipaparkan dalam akhbar Cina atas sekatan daripada kerajaan. Sebagai contoh, pada 3 November tahun 2006, lebih kurang 150 orang telah berkumpul di hadapan ibu pejabat *Sin Chew Jit Poh* di Petaling Jaya untuk mengadakan perhimpunan aman. Namun begitu, terdapat dua buah lori besar dihentikan di pejabat utama *Sin Chew Jit Poh* untuk menghalang perhimpunan aman dijalankan secara lancar. Pada masa yang sama, anggota polis turut berada di tempat kejadian untuk mengawasi keadaan.

Walau bagaimanapun, situasi ini tidak dilaporkan dengan jelas dalam media arus perdana. *Sin Chew Jit Poh* hanya melaporkan kejadian ini dengan menggunakan 437 patah perkataan dalam Bahasa Mandarin sahaja pada keesokan hari. Berita tersebut langsung tidak menjelaskan tema dan tujuan penganjuran demonstrasi aman tersebut, malah mengabaikan isi kandungan memorandum, dan komen-komen peserta yang mengambil bahagian. Pelaporan berita yang terlampaui ringkas dan kurang jelas bukan sahaja menyukarkan para pembaca untuk mengetahui perhimpunan tersebut secara lebih mendalam, malah tidak dapat menarik perhatian dan tumpuan pembaca terhadap motif demonstrasi tersebut (Merdeka Review, 2006, November 3). Walau bagaimanapun, berita ini telah mendapat liputan yang lebih luas dalam media alternatif.

Selain itu, pada 7 Januari tahun 2007, lebih daripada 2000 orang mengadakan demonstrasi di hadapan Kompleks Beli Belah Sunway Pyramid untuk membantah kenaikan harga lebuhraya di Lembah Klang¹⁴. Para peserta demonstrasi menyeru pihak kerajaan memansuhkan cadangan kenaikan pembayaran tol kerana tindakan tersebut akan memberatkan beban dan tanggungan rakyat. Kejadian ini juga dilaporkan secara ringkas dalam media arus perdana tanpa ulasan dan liputan yang sepatutnya (Malaysiakini, 2007, Januari 7).

Menerusi media arus perdana, informasi-informasi yang disalurkan kepada masyarakat Cina biasanya ialah berita-berita yang telah dirumuskan secara ringkas dan padat. Selain itu, isu-isu yang berkaitan dengan parti pembangkang jarang mendapat liputan luas dalam media arus perdana. *Sin Chew Jit Poh*¹⁵ dan *China Press*¹⁶ masing-

¹⁴ Antara lebuhraya yang mengalami kenaikan harga ialah Lebuhraya Damansara Puchong (LDP), Lebuhraya Kesan, Lebuhraya Cheras – Kajang (Tol Batu 9 dan Tol Batu 11), Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (Tol Gombak dan Tol Bentong) dan Lebuhraya Koridor Guthrie.

¹⁵ Akhbar Cina *Sin Chew Jit Poh* telah digantungkan permit penerbitan akhbar dalam Operasi Lalang pada tahun 1987 kerana dituduh memainkan isu-isu sensitif seperti isu perkauman yang akan menggugat keharmonian dan memudaratkan keselamatan negara. Akhbar Melayu Watan dan akhbar Inggeris *The Star* turut digantung permit penerbitan akhbar atas sebab yang sama (Yap, 2010, p. 148).

¹⁶ Permit penerbitan akhbar *China Press* digantung selama 10 hari kerana dituduh melaporkan berita yang berkaitan dengan keputusan mahkamah semasa peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 (Yap, 2010, p. 152).

masing pernah digantung lesen penerbitan akibat daripada melaporkan berita yang berkaitan dengan isu-isu perkauman. Walaupun akhirnya kedua-dua akhbar Cina tersebut dipulihkan lesen penerbitannya, namun di bawah penguatkuasaan akta-akta penerbitan, wartawan-wartawan terpaksa berwaspada apabila melaporkan berita terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan pemeliharaan hak perkauman. Dengan ini, kebebasan bersuara masyarakat Cina kian terancam. Oleh sebab media alternatif tidak berada di bawah kawalan parti pemerintah secara langsung, maka media alternatif mempunyai ruangan untuk memaparkan berita dari perspektif yang berbeza.

3.3 Membina Platform Komunikasi

Pemilikan berpusat media arus perdana bukan sahaja mengancam kebebasan berita, malah menipiskan peluang masyarakat untuk memperoleh informasi yang berlainan. Walau bagaimanapun, kebangkitan media alternatif telah menyediakan satu platform yang bebas untuk masyarakat Cina berkomunikasi dan bincang ataupun meluahkan rasa tidak puas hati. Melalui platform media alternatif, masyarakat Cina boleh mengambil kesempatan untuk saling menukar pendapat. Selain itu, platform ini turut memberi ruangan kepada masyarakat Cina untuk membincang dan menukar pendapat ataupun pandangan terhadap isu-isu yang lebih sensitif dan kritikal memandangkan kawalan parti pemerintah terhadap dunia internet bukanlah kawalan mutlak. Media alternatif memberi kesempatan kepada para pembaca untuk memberi komen dan mesej secara terbuka. Komponen yang meningkatkan interaksi antara pembaca ini menampakkan kelebihannya daripada media arus perdana yang hanya memaparkan pandangan pengulas. Dengan ini, para pembaca dapat memberi maklum balas kepada berita secara langsung (Merdeka Review, 2011, Julai 16).

Dalam dunia media alternatif, orang awam boleh berkongsi pendapat atau berkomunikasi dengan orang yang lain dengan lebih terbuka dan tiada tekanan. Perhimpunan Bersih 2.0 dijadikan sebagai contoh, media alternatif mengemaskini perkembangan dan keadaan terbaru secara berperingkat menerusi internet sepanjang tempoh perhimpunan. Contohnya, tentang tempat perhimpunan, tindakan-tindakan yang bakal diambil oleh pihak pemerintah terhadap orang awam serta masalah-masalah yang mungkin akan dihadapi semasa perhimpunan tersebut. Masyarakat berkongsi pendapat dan menyeru penyertaan orang ramai menerusi laman web. Terdapat ramai orang yang berkongsi maklumat tentang perhimpunan tersebut melalui *Facebook* dan *Twitter*. Beberapa minggu sebelum perhimpunan, ramai pengguna *Facebook* mengubah gambar mereka kepada warna kuning ataupun meletakkan logo warna kuning¹⁷ di gambar masing-masing. Selepas perhimpunan Bersih 2.0, media alternatif turut muncul sebagai satu platform bagi masyarakat Cina untuk berkongsi pengalaman dan perasaan yang sebenar bersama dengan peserta yang lain ataupun dengan orang yang tidak dapat menghadiri perhimpunan tersebut.

¹⁷ Warna logo perhimpunan Bersih 2.0 ialah warna kuning. Orang ramai menukarkan gambar mereka kepada warna kuning sebagai tanda sokong terhadap perhimpunan.

4.0 Impak-impak Media Alternatif

4.1 Menyemarakkan Kemarahan Masyarakat Cina

Perkembangan internet mendorong kemunculan media alternatif yang melahirkan satu lembaran baru dalam bidang media. Kemunculan Malaysiakini dan Merdeka Review membekalkan peluang kepada masyarakat Cina untuk memberi perhatian terhadap isu negara dan sosial. Sebagai contoh, skandal Ketua Hakim Negara Malaysia, Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim yang dibocorkan oleh Anwar Ibrahim pada 19 November 2007¹⁸. *Sin Chew Jit Poh* hanya melaporkan berita ini dengan 377 patah perkataan. Laporan berita ditumpukan kepada maklum balas Persatuan Peguam terhadap skandal ini (*Sin Chew Jit Poh*, 2007, September 19). Laporan *Nanyang Siang Pau* pula menggunakan perkataan ‘ahli politik’ dan ‘orang bernama di bidang perniagaan’ untuk mengelakkan pendedahan nama-nama yang terlibat dalam skandal ini (*Nanyang Siang Pau*, 2007, September 19). Merdeka Review pula memaparkan artikel sepanjang 2077 patah perkataan yang lengkap dengan nama-nama ahli politik dan ahli korporat yang terlibat (Chang, T. P., 2011, p. 243).

Pilihan raya umum pada 8 Mac 2008 (PRU 308)¹⁹ merupakan peristiwa yang bersejarah bagi rakyat Malaysia. Parti pemerintah Barisan Nasional (BN) menggunakan media arus perdana sebagai alat propaganda politik bagi menonjolkan imej positif kerajaan dan pada masa yang sama meminggirkan berita parti pembangkang (Yap, K. S., 2010, p. 8). Propaganda parti pemerintah yang terlampau inilah yang mengakibatkan BN menerima tamparan yang paling hebat dalam sejarah pemerintahannya. BN hanya mendapat 140 kerusi parlimen manakala pihak pembangkang mendapat 82 kerusi dalam keputusan PRU 308. Parti pembangkang telah bertambah 62 kerusi berbanding dengan 20 kerusi yang dicapai pada PRU tahun 2004 (Kee, T. C., 2008, p. 29-31). Barisan Nasional bukan sahaja tidak dapat mempertahankan majoriti dua per tiga kerusi ahli parlimen, malah kehilangan kuasa pemerintah lima negeri²⁰.

Masyarakat Cina melepaskan geram terhadap MCA dan pihak kerajaan melalui PRU 308. Fenomena ini mengakibatkan MCA yang merupakan wakil masyarakat Cina mengalami kekalahan yang teruk iaitu mendapat 15 kerusi parlimen sahaja dalam PRU 308 dan jumlah ini menampakkan perbezaan yang jelas jika dibandingkan dengan keputusan

¹⁸ Peguam kepada ahli korporat Tan Sri Dato’ Seri Vincent Tan Chee Yioun memberitahu hakim Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim bahawa dia yakin untuk meminta Tan Sri Dato’ Seri Vincent Tan Chee Yioun memanggil Dr. Mahathir menaikkan pangkat hakim Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim kepada Mahkamah Rayuan melalui perbualan telefon. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk (Chang, 2011, p. 243)

¹⁹ PRU 308 merupakan pilihan raya umum yang ke-12 diadakan pada 8 Mac 2008. Barisan Nasional (BN) membentuk kerajaan pusat dengan majoriti asas sahaja (iaitu lebih daripada satu per dua jumlah kerusi tetapi kurang daripada dua per tiga jumlah kerusi). BN hanya berjaya meraih kemenangan besar di Sabah, Sarawak dan Johor. Rekod kekalahan BN kali ini adalah yang paling teruk, diikuti pilihan raya umum 1969 dan 1999.

²⁰ Dalam PRU 308, Barisan Nasional kehilangan kuasa pemerintah lima negeri iaitu negeri Kedah, Kelantan, Perak, Pulau Pinang dan Selangor.

sebanyak 31 kerusi pada pilihan raya umum yang sebelumnya. Kebanyakan masyarakat Cina terutamanya generasi muda dan penduduk di bandar cenderung untuk menyokong parti pembangkang dengan membawa harapan undian mereka dapat menumpaskan pemerintahan Barisan Nasional²¹. Pelbagai informasi disebarluaskan dengan kadar yang cepat dan luas menerusi alam internet. Masyarakat memperoleh segala maklumat terkini hanya dengan menekan beberapa butang sahaja. Pendedahan ini meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap isu-isu seperti politik.

4.2. Refleksi Identiti Kewarganegaraan

Pendirian orang Cina terhadap identiti kewarganegaraan adalah kabur dan tidak menentu pada zaman sebelum kemerdekaan. Keadaan ini disebabkan orang Cina telah biasa di bawah pemerintahan kerajaan British, maka keminatan mereka terhadap negara merdeka tidak dapat dibangkitkan. Tanggapan ini mula mengalami perubahan setelah kemunculan MCA. Orang Cina mula menyedari bahawa hak dan kebajikan mereka mungkin mengalami peminggiran jika tidak membangun untuk memprotes kepentingan politik mereka (*Oriental Daily News*, 2015, Januari 1). Hal ini merupakan titik permulaan bagi pemastautin Cina di Tanah Melayu menilai semula identiti kewarganegaraan masing-masing.

Orang Cina mencari identiti di tanah air ini semenjak penghijrahan. Ramai orang Cina yang sudi menghadiri perhimpunan Bersih 2.0, terutamanya golongan muda (Malaysiakini, 2011, Julai 16). Fenomena ini menampakkan penerimaan identiti mereka sebagai warganegara Malaysia. Disebabkan semangat cinta akan negara dan keinginan untuk mempertahankan kesejahteraan negara, maka rakyat negara bertindak untuk menyumbangkan tenaga masing-masing dalam perhimpunan tersebut. Peserta perhimpunan mendukung hasrat yang sama, iaitu menuntut pilihan raya yang bersih, adil dan menjauhi unsur rasuah. Peserta menuntut sistem pilihan raya yang adil, saksama dan terbuka, dan juga kerajaan yang bersih. Matlamat tersebut disebar secara besar-besaran menerusi media alternatif untuk menyemarakkan semangat pelbagai lapisan.

Peserta perhimpunan sudi menaruh kerjasama dan usaha demi negara tercinta tanpa mengira bangsa dan kaum. Salah seorang peserta perhimpunan berkata:

Saya nampak bagaimana para peserta mematuhi peraturan ‘demonstrasi aman’. Setiap orang berdemonstrasi dengan aman, tidak berkecoh, tidak berebut dan berdisiplin. Saya turut nampak peserta-peserta sedia untuk menghulurkan bantuan kepada sesiapa yang terkena gas pemedih mata, mengingatkan sesiapa untuk menjauhi bahaya dan cuba memperuntukkan tempat yang selamat untuk berlindung. Apa yang saya nampak bukanlah orang Cina membantu orang Cina,

²¹ Jumlah pengundi yang berusia 40 tahun ke bawah mencatat 71%. Pengundi dalam lingkungan 25-40 tahun cenderung untuk mengundi kepada parti pembangkang. Pengundi bandar lebih cenderung untuk mengundi parti pembangkang berbanding dengan pengundi luar bandar. Keadaan ini disebabkan pengundi bandar lebih mudah mendapat informasi manakala pengundi luar bandar pula lebih bergantung kepada bantuan kerajaan. Maklumat lanjut boleh melayari laman web <http://www.inmediakh.net/node/1014479>

orang Melayu membantu orang Melayu, orang India membantu orang India, sebaliknya semangat saling membantu antara kaum-kaum yang berlainan. Sepanjang 21 tahun, inilah kali pertama saya dengan ikhlasnya meraung dalam hati: Saya anak Malaysia! (Diterjemah daripada Merdeka Review, 2011, Julai 11).

Semua kaum menunjukkan semangat perpaduan dalam perhimpunan Bersih 2.0. Semua menaruh kepercayaan dan semangat membantu, jelas menunjukkan penerimaan identiti bahawa ‘saya anak Malaysia’. Penulisan di bawah menunjukkan isi hati yang diluahkan oleh salah seorang peserta perhimpunan:

Perhimpunan 709 telah berlalu selama 2 minggu, namun hati saya masih tidak mampu tenang kembali, malah semangat berkorban untuk negara membara dalam hatiku. Saya menceritakan semua ini dari perspektif sebagai seorang warga Malaysia. Dengan hati yang tulus saya mendoakan kesejahteraan Malaysia, bersamalah kita meninggalkan sentimen politik perkauman dan menuju ke arah demokrasi yang sebenarnya. Pulangkanlah Malaysia tercinta kepada warganegara Malaysia (Diterjemah daripada Merdeka Review, 2011, Julai 19).

Demi mempertahankan tanah air dan membina masa depan yang maju, peserta perhimpunan Cina sedia berganding bahu dengan kaum lain. Peserta-peserta perhimpunan berkongsi perasaan dan pendapat berkaitan identiti nasionalisme di media alternatif mendatangkan sambutan hangat dalam kalangan masyarakat Cina. Perkongsian ini mendorong orang ramai juga mula meneliti dan membuat refleksi identiti kewarganegaraan.

4.3 Meningkatkan Kesedaran Patriotisme

Menerusi Malaysiakini dan Merdeka Review, masyarakat Cina memperoleh berita dan informasi dari pelbagai perspektif yang mampu menambahkan perhatian golongan Cina terhadap negara ini malah meningkatkan semangat patriotisme. Golongan muda mendukung sikap acuh tak acuh terhadap isu politik negara dan fenomena sosial sebelum PRU 308. Namun, media alternatif yang digunakan secara meluas sebagai alat propaganda pada PRU 308 berjaya menarik perhatian golongan muda ini. Media alternatif melaporkan berita-berita melalui sudut pandangan yang berbeza dengan media tradisional.

Isu sosial yang dikupas dan dibincangkan dari pelbagai perspektif telah menyediakan satu platform tambahan, untuk golongan muda mengenali dan memahami isu-isu negara (Malaysiakini, 2011, Julai 16). Memandangkan sesetengah media tradisional seperti surat khabar berada di bawah kawalan kerajaan, kemunculan media alternatif yang lebih bebas dari segi penampilan berita mula menambat hati golongan muda.

Orang Cina di Malaysia selalu dikaitkan dengan gelaran ‘kiasu’ (takut kalah). Namun begitu, ramai orang Cina terutamanya golongan muda sudi menyertai perhimpunan Bersih 2.0 bersama kaum lain pada 7 September tahun 2011 dengan hasrat mempertahankan negara. Kesudian golongan Cina melibatkan diri dalam perhimpunan 709 menunjukkan bahawa semangat patriotisme terhadap tanah air. Berikut merupakan antara penulisan peserta perhimpunan:

Air hujan menitis di pipi, kedengaran lirik ‘Negaraku, tanah tumpahnya darahku……’ Ini ialah lagu kebangsaan! Air mataku mula menitis. Berjuta-jutaan rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa menyanyikan lagu kebangsaan milikan seluruh warganegara. Perasaan sekarang merupakan perasaan yang tidak pernah aku rasa. Perasaan yang tidak dapat dirasai oleh sesiapa yang tiada di tempat kejadian. Ini merupakan kali pertama aku habiskan nyanyian ‘Negaraku’ dengan semangat yang gemuruh. Melalui kejadian ini, saya perasan bahawa memang saya cinta akan negaraku, cinta akan tanah airku dan cinta akan Malaysia (Diterjemah daripada Merdeka Review, 2011, Julai 19).

Petikan di atas menunjukkan isi hati salah seorang peserta Cina perhimpunan di Malaysia. Namun, seruan peserta untuk memiliki pilihan raya yang adil mendapat tindak balas daripada kerajaan dengan melepaskan gas pemedih mata serta tembakan air berisi bahan kimia. Biarpun kerajaan ambil tindakan sebegini terhadap peserta, peserta tetap bertekad untuk berjuang demi keindahan dan keamanan negara. Salah seorang peserta perhimpunan berkata seperti berikut:

Tanah air ini milik kita. Saya sedih, menangis, apabila orang panggil saya ‘balik Tongshan’. Saya jelas saya berasal dari mana. Negara saya, keluarga saya, kawan saya, semua berada di sini – Malaysia. Mulai masa itu, saya begitu pasti bahawa saya amat mencintai negara saya. Saya dilahirkan dan dibesarkan di tanah air ini, saya memegang kad pengenalan Malaysia, maka saya bertekad untuk terus mencintai negara saya, Malaysia (Diterjemah daripada Malaysiakini, 2011, Julai 22).

Menurut petikan yang dipetik daripada penulisan di atas, boleh dilihat semangat patriotik yang ditunjukkan oleh peserta Cina yang hadir ke perhimpunan. Kesemua yang hadir perhimpunan adalah atas sebab ‘cinta’. Isi hati yang diluahkan dan disebarluaskan melalui media alternatif seperti Blog, Facebook telah menyemarakkan semangat cinta akan negara terutamanya golongan muda.

5.0 Kesimpulan

Kerajaan Malaysia melaksanakan kawalan rapi dan ketat terhadap kebebasan bersuara dan kebebasan berita media arus perdana. Walau bagaimanapun, kemunculan serta perkembangan pesat media alternatif secara langsungnya telah mencabar penguasaan kerajaan terhadap kebebasan media. Malah, media alternatif mengakibatkan tergugatnya kredibiliti media arus perdana yang dikawal rapi oleh kerajaan sehingga dianggap sebagai alat propaganda politik parti pemerintah. Kesemua ini menunjukkan media arus perdana Cina kurang berjaya memainkan peranan sebagai lidah rasmi kaum Cina di bawah pemerintahan kerajaan semasa.

Perkembangan pesat internet memberi ruangan kepada media alternatif untuk membebaskan diri daripada sekatan kerajaan. Impak-impak yang dibawa oleh media

alternatif tidak dapat diabaikan. Media alternatif bukan sahaja membekalkan satu saluran informasi baru di luar kawalan kerajaan, malah menyediakan satu platform kepada masyarakat Cina untuk saling berkomunikasi dan menukar pandangan. Masyarakat Cina dan pemimpin-pemimpin parti boleh saling berkomunikasi demi keperluan masing-masing menerusi media alternatif.

Selepas menerima tumparan hebat dalam PRU 308, pihak kerajaan mula mendapati dan mengakui peranan internet dalam mempengaruhi keputusan pemikiran rakyat (Malaysiakini, 2010, Februari 26). Jadi, parti pemerintah mula menggubal akta-akta supaya mengawal dan menyekat informasi daripada media internet. Tindakan kerajaan tersebut menampakkan pengakuan terhadap keupayaan media alternatif menggugat kedudukan media arus perdana. Keadaan ini menyukarkan perkembangan media alternatif pada masa depan.

Akhir kata, perkembangan internet yang semakin pesat dan kelahiran media alternatif memainkan peranan yang amat penting dalam mencadangkan keadaan politik pada masa akan datang. Media alternatif memainkan peranan sebagai alat penggerak untuk menggalakkan rakyat memperjuangkan tanah air yang lebih sejahtera dan demokrasi. Fenomena ini digambarkan sebagai lembaran baru dalam sejarah perkembangan politik Malaysia.

Bibliografi

- Chang, T. P. (2002a). *Insight to The Media*. Petaling Jaya: Post Media Communications.
- Chang, T. P. (2002b). *Media Massa dan Hegemoni Barisan Nasional: Satu Kajian Kes ke Atas Peranan Media dalam Pengurusan Krisis Kewangan 1997 di Malaysia*. (Master's thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Chang, T. P. (2004). *Strongman PM vs Weak-kneed Media: Taking Stock of Mahathir's Media Manipulation*. Petaling Jaya: Post Media Communications.
- Chang, T. P. (2009). Rose Amongst The Thorns: Malaysia's Independent Media Movement and Its Resilience. *Mass Communication Research*, 99, 169-199.
- Chang, T. P. (2010, July 3-5). *Role of Internet in The Democratization Process and Counter-attacks by The State: The Experience of Malaysian Online Media*. Paper presented at the Annual Conference of the Chinese Communication Society, Chiayi, Taiwan.
- Chang, T. P. (2011). Internet-Driven Democratization and Counter-Attacks by the State: The Experience of Malaysian Online Media. *Chinese Journal of Communication Research*, 20, 229-269.
- China Press*. (2011). Dapat dari Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Chou, W. L. (2007). *Rising Up Against Media Monopoly: The Yellow Ribbon Movement In Malaysia 2006*. Kajang: Writers Alliance for Media Independence.
- Chou, W. L. (2011). *Pipan yu xunlu: Jiushi niandai Malaixiya huashe pinglun xiezuo (Kritikan dan Perkembangan: Kritikan Karya Masyarakat Cina di Malaysia pada Zaman 90-an)*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Guang Ming Daily*. (2011). Dapat dari Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Kee, T. C. (2009). *March 8: The Day Malaysia Wake Up*. Kuala Lumpur: Seashore Publishing (M) Sdn Bhd.
- Kuan, C. W. (2012). Platform for Identity Contestation: The Nationalistic Discourse in Two Malaysian Online Media. *Taiwan Journal of Southeast Asian Studies*, 9 (2), 133-164.
- Lee, W. K., & Chan, W. S. (eds). (2012). *Laoban shangjie le! 428 Huanglü dajihui jishi (Rakyat Tunjuk Perasaan! Koleksi 428 Perhimpunan Bersih 3.0)*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Malaysiakini. (2007, Januari 7). Fan dadao zhangjia 2 qian ren shiwei 2 ju zhong (Dua Ribu Orang Berdemonstrasi selama 2 Jam untuk Membantah Kenaikan Harga Tol). *Malaysiakini*. Dapat dari <https://www.malaysiakini.com/news/125235>
- Malaysiakini. (2010, Februari 26). Jiucheng dama minzhong shou wangluo zixun yingxiang (90 Peratus Warga Malaysia Menerima Pengaruh daripada Informasi

- Internet). *Malaysiakini*. Dapat dari <https://www.malaysiakini.com/news/125235>
- Malaysiakini. (2011, Julai 1). Zhuliu meiti huyu minzhong 709 wu shangjie (Media Arus Perdana Menyeru Orang Awam agar Tidak Menyertai Perhimpunan 709) *Malaysiakini*. Dapat dari <https://www.malaysiakini.com/news/168542>
- Malaysiakini. (2011, Julai 12). Shi jingfang ba women bijin Tongshan yiyuan (Pihak Polis yang Mendesak Kami Masuk ke Hospital Tung Shin). *Malaysiakini*. Dapat dari <https://www.malaysiakini.com/news/169730>
- Malaysiakini. (2011, Julai 13). 11 ming yisheng lianshu shengming bochi Liao Zhong Lai, zhengshi jingfang xiang yiyuan she shuipao cuileidan (11 Orang Doktor Mengesahkan Polis Melepaskan Tembakan Air Berisi Bahan Kimia dan Gas Pemedih Mata ke Arah Hospital). *Malaysiakini*. Dapat dari <https://www.malaysiakini.com/news/169862>
- Malaysiakini. (2011, Julai 22). Wo shi yiren, wo ye shi Malaixiya ren (Saya ialah Artis, Saya juga ialah Orang Malaysia). *Malaysiakini*. Dapat dari <https://m.malaysiakini.com/news/170702>
- Malaysiakini. (2012, April 28). Jingfang fa shuipao cuileidan bu 388 ren (Polis Melepaskan Gas Pemedih Mata dan Tembakan Air Berisi Bahan Kimia serta Menahan 388 Orang) *Malaysiakini*. Dapat dari <https://www.malaysiakini.com/news/196321>
- Merdeka Review. (2006-2011). Dapat dari <https://www.merdekareview.com/>
- Nanyang Siang Pau. (2007). Dapat dari Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Oriental Daily News. (2015). Dapat dari Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Phoon, W. K., & Ngoi G. P. (2002). *Deconstruction of Media Power*. Kuala Lumpur: Mentor Publishing.
- Por, H. H. (2005). Newspaper Coverage of the 11th Malaysian General Election: News Analysis of 7. An Analysis of 7 Presses From the Perspective of Balanced Report and Gate Keeper Theory. *New Era College Academic Journal*, 2, 133-159.
- Sin Chew Jit Poh. (2007-2013). Dapat dari Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Tan, L. O. (2010). *Dinamik Ruang Siber dalam Gerakan Reformasi di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wong, K. H. (2008). A Sudden Gleam of Hope Amid Gridlock: The Malaysian Media Reform Action. *Mass Communication Research*, 10 (97), 283-318.
- Yap, K. S. (2010). *The Chinese Press In Malaysia (1815-2010)*. Semenyih: Manland Publishing.
- Yong, K. P., & Chan, W. S. (eds). (2011). *Participating 709 Bersih 2.0: Writing History with Our Feet*. Kuala Lumpur: Prometheus Enterprise Sdn Bhd.